



**TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YANG BERBAHAGIA**

**PROFESOR DATUK DR HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

**NAIB CANSOLOR UiTM**

**SEMPENA**

**INTERNATIONAL MILLENNIPRENEUR INNOVATION AND  
COMMERCIALIZATION EXHIBITION (I-MICE)**

**5 JULAI 2023 | RABU | 2.00 PETANG**

**DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Terima kasih diucapkan kepada Saudara/Saudari Pengacara  
Majlis.**

**SALUTASI - Akan dilampirkan DI ROSTRUM**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,**

**Selamat sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia  
MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ilahi, kerana dengan rahmat-Nya kita dapat berkumpul di majlis **International Millenipreneur Innovation And Commercialization Exhibition (I-MICE)** pada pagi ini.

2. I-MICE ini merupakan hasil penjenamaan semula program Product Idea Innovation (PRIDE) dan Tech-Create anjuran Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) yang telah dijalankan pada tahun 2018-2022.

3. Saya dengan rasa berbesar hati, ingin mengucapkan terima kasih dan menyampaikan penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah sudi memberi sokongan kepada MASMED dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) di dalam menjayakan program ini.

4. Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan kerjasama I-MINE iaitu Tashkent State University of Economics, Uzbekistan, Akenten Appiah-Menka University, Kumasi, Ghana dan Universitas Negeri Padang (UNP), Indonesia.

5. Seterusnya terima kasih kepada rakan strategik MTDC, MRANTI, SMECorp, SME Bank, Bank Rakyat, MDEC, MARii, PETRONAS, FAMA dan TEKUN NASIONAL di atas kerjasama merealisasikan program ini dengan penuh jayanya.

**Hadirin hadirat sekalian,**

6. I-MINE menyokong Tiga Teras PTK-IPT 2021-2025, iaitu ekosistem keusahawanan bersinergi, kolaborasi berimpak tinggi dan inovasi dan teknologi.

7. I-Mine juga akan melibatkan enam (6) kategori pembentangan idea iaitu perkhidmatan, gaya hidup sihat, teknologi dan inovasi, keselamatan persekitaran, makanan dan minuman dan industri seni dan kreatif. I-MINE akan melibatkan 250 penyertaan produk/servis melibatkan inovasi dan teknologi serta 1000 penyertaan nasional and antarabangsa.

8. I-MINE telah dirancang dengan teliti berpandukan turus 9 Sustainable Development Goals (SDGs) iaitu:

- SDG1: Tiada Kemiskinan
- SDG2: Kelaparan Sifar
- SDG3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan
- SDG4: Pendidikan Berkualiti
- SDG6: Air Bersih Dan Sanitasi
- SDG7: Tenaga Berpatutan dan Bersih
- SDG9 : Industri, inovasi dan infrastruktur
- SDG11: Bandar dan komuniti yang mampan, dan
- SDG15: Kehidupan di darat.

## **Hadirin hadirat yang dihormati,**

9. Sasaran utama program-program seperti ini adalah untuk menanamkan budaya pengkomersialan yang berstrategi di kalangan pelajar-pelajar UiTM khususnya. Terdapat ramai pelajar kita yang mampu menghasilkan banyak produk berkualiti yang mampu bersaing di peringkat industri dan global tetapi tidak mengetahui laluan pengkomersialan yang betul.

10. Maka, program hari ini diharap akan bakal mencungkil bakat-bakat baharu dan juga bakat-bakat yang lama tetapi tidak mendapat laluan yang betul. Saya yakin program hari ini akan membantu para pelajar mempromosikan produk baharu mereka, memberi ruang pelajar memulakan penjenamaan korporat produk-produk ini, membuka mata para pengguna tentang wujudnya produk-produk hebat ini sekaligus akan memberi peluang berpotensi kepada pelajar memfokus ke arah pembentukan syarikat melalui idea satu pelajar satu SSM.

11. Saya mohon agar para peserta yang terdiri dari 1000 pelajar dan pengguna ini, agak mendidik jiwa menerima produk-produk baharu ini dengan menyokong perkembangan dunia usahawan muda kita. Pendidikan yang sebegini akan mengukuhkan hubungan anda dan bakal melibatkan reputasi yang baik di dada-dada akhbar. Perkembangan yang sebegini akan membuka lebih banyak ruang kejayaan contohnya kebolehpasaran luar negara, geran-geran penyelidikan, konsultasi produk dan peluang manjadi pengasas produk.

11. Saya mempunyai sedikit tips untuk para hadirin sekalian. Salah satu cara mempromosi produk harus difokuskan kepada mengenal pasti produk atau perkhidmatan yang akan anda pameran. Contohnya, kita gunakan perkataan "baharu" di dalam promosi, misalnya, "ramuan baharu", "teknologi baharu" dan sebagainya. Perkataan ini adalah perkataan yang paling berkuasa di ruang pameran. Produk baharu adalah magnet peserta.

12. Selain itu, jika anda mempunyai barisan produk yang besar, paparkan hanya sampel yang berkaitan. Peserta pameran perdagangan ingin merasai produk atau perkhidmatan anda secara interaktif dari meja pameran anda, jadi beri peluang, biar orang ramai menyentuh dan merasai produk-produk anda. Semoga sedikit sebanyak panduan ini akan membawa promosi yang baik.

13. Akhir sekali, semoga program ini mampu melahirkan graduan yang bersifat inovatif, kompetitif dan kreatif dan mempunyai daya saing yang tinggi melalui ciptaan-ciptaan baharu yang mampu meletakkan pelajar itu sendiri serta UiTM di peta dunia. Insya-Allah.

14. Semoga program ini akan dapat memakmurkan perkembangan dan kesejahteraan perniagaan para usahawan terutamanya para graduan ke takuk tertinggi.

15. Saya dengan penuh takzim, merasmikan program  
**International Millennipreneur Innovation And  
Commercialization Exhibition.**

**Sekian**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah,**

**Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**